

**Sarawak Belanja RM2.102 Bilion Pada Tahun Pertama Bagi Projek Di Bawah RMK-10**  
**Bernama**  
**22 November , 2011**

KUCHING, 22 Nov (Bernama) -- Jumlah keseluruhan perbelanjaan setakat 30 Sept 2011 bagi tahun pertama dalam projek pembiayaan kerajaan negeri Rancangan Malaysia Kesepuluh ialah RM2.102 bilion atau kira-kira 15 peratus daripada jumlah siling yang diluluskan iaitu RM14 bilion.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Wong Soon Koh berkata jumlah itu kira-kira 58 peratus daripada peruntukan RM3.63 bilion yang diluluskan bagi 2011.

"Bagi kemajuan fizikal, setakat 30 Sept 2011, 3.3 peratus atau lapan daripada 240 projek fizikal yang diluluskan di bawah pelan itu telah siap manakala 232 projek lagi masih di pelbagai peringkat pelaksanaan," katanya dalam penggulangan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Selasa.

Beliau berkata jumlah keseluruhan peruntukan projek pembiayaan kerajaan Persekutuan di Sarawak bagi pelan peringkat pertama di bawah RMK-10 ialah RM4.925 bilion.

Wong berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM1.367 bilion atau kira-kira 28 peratus telah dibelanjakan.

Bagi kemajuan fizikal, beliau berkata sejumlah 711 projek yang dibiayai kerajaan Persekutuan diluluskan untuk pelaksanaan di bawah pelan peringkat pertama RMK10.

"Setakat 30 Sept 2011, 142 atau kira-kira 20 peratus daripada jumlah keseluruhan projek telah siap dan baki 569 projek atau kira-kira 80 peratus masih di pelbagai peringkat pelaksanaan," katanya.

Wong berkata projek yang dibiayai kerajaan Persekutuan dipantau Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri serta Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri bagi memastikan ia berjalan lancar.

"Pelaksanaan projek (yang dibiayai kerajaan negeri) sentiasa dipantau di peringkat agensi pelaksanaan serta negeri dan usaha sedang dipergiat bagi memastikan semua projek dilaksanakan serta siap dalam tempoh ditetapkan," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629034>